TERMS AND CONDITIONS
RHB SMART MOVE BALANCE TRANSFER (BT) CAMPAIGN VIA RHB ONLINE BANKING - TACTICAL
("**these Terms and Conditions**")

Customers who are interested in participating this campaign are advised to read and understand these Terms and Conditions before registering their participation in this campaign.

Any customer who does not understand any of these Terms and Conditions may contact RHB Customer Contact Centre, whose contact details are set out in the General Terms and Conditions clause below.

CAMPAIGN ORGANISERS

1. The **RHB Smart Move Balance Transfer (BT) Campaign Via RHB Online Banking – Tactical** ("**Campaign**") is organised by RHB Bank Berhad [Registration No. 196501000373 (6171-M)] and RHB Islamic Bank Berhad [Registration No. 200501003283 (680329-V)] (collectively, "**RHB**").

CAMPAIGN PERIOD

2. The Campaign runs from **01/01/2026** to **31/12/2026** ("**Campaign Period**"), both dates inclusive.

ELIGIBILITY

3. The Campaign is open to Principal cardholders of any credit card/-i(s) issued by RHB (collectively, "**RHB Credit Card/-i**") (collectively, "**Cardmember(s)**"), who receive invitation via RHB Online Banking, to apply for a transfer of outstanding balances from any other credit card or charge card issuer held by the Cardmember(s) (collectively, "**Other Card Accounts**") to any of the RHB's Credit Card/-i Account held in the Cardmember(s)'s name (collectively, "**BT**").

4. Cardmember(s) must be the principal holders of Other Card Accounts issued by Malaysia financial institutions and billed in Ringgit Malaysia (RM).

5. The Campaign is not applicable to RHB Supplementary cards, RHB Business Credit Card, RHB Purchasing Charge Card/-i, RHB Corporate Credit Card/-i and RHB Corporate Charge Card/-i.

CAMPAIGN MECHANICS

6. An account will not be created for the Cardmember(s) for the purpose of the Campaign.

7. The existing credit limit approved for the Cardmember(s)'s RHB Credit Card/-i Account will be shared with this BT and all other supplementary cards issued. This Campaign is not a credit limit increase and it is only to be used as transferred balances from other card issuers.

8. Under this Campaign, the Cardmember(s) are allowed to do BT up to a maximum limit of 80%* of Cardmember(s)'s available RHB Credit Card/-i Account credit limit. The minimum BT amount is RM1,000.
   * The interest/effective profit rate and other charges (if any) will be calculated and posted into Cardmember(s)'s account at the end of statement cycle, therefore all interest/effective profit rate and other charges will be added-up with the total credit limit used.

9. RHB is not be liable to the Cardmember(s) for any wrong transactions credited into Other Card Accounts due to the wrong information disclosed by the eligible Cardmember(s) when applying for the Campaign.

10. The plans available under the Campaign are as follows:

Tenure (Months)	Interest Rate/ Effective Profit Rate	Effective Rate
12	4.88%p.a.	8.89%p.a.
24	4.88%p.a.	9.11%p.a.
36	4.88%p.a.	9.10%p.a.

e.g.: Transferred amount of RM1,000. The monthly instalment is computed as [RM1,000 + (RM1,000 x 4.88% x 3 year) / 36 months] = RM31.85 per month. The payment quantum will be 36 equal monthly instalments amount.

Note: The above monthly instalment payment amount is for illustration purpose. The actual monthly instalment might be different from the above illustration

11. BT application can be done via RHB Online Banking. Upon approval of the BT application, the BT amount will be debited to the Cardmember(s)'s credit card/-i accounts. Cardmember(s) are to ensure that there is sufficient available credit limit before they apply for the Campaign.

12. RHB will approve the Outstanding Balances allowed to be transferred (hereinafter referred to as "Approved Balance") by obtaining consent from the Cardmember(s) by notice.

13. Prior to approval of the BT Installment Plan, the Cardmember(s) shall continue to be liable to make payment to their Other Card Account in accordance with the terms governing the same. The Cardmember(s) shall be directly liable for interest/ effective profit rate on any overdue payment or any other finance or other charges incurred as a result of the Cardmember(s)'s failure or delay in making payment before or after the RHB's approval of the Cardmember(s)'s application for the Campaign.

14. The Approved Balance will reduce the available credit limit of the Cardmember(s) accordingly. An SMS (Short Message System) notification will be sent to the Cardmember(s) advising him/her whether or not his/her application for the Campaign has been approved. In the event an application is approved, payment to Other Card Accounts will be made in the manner provided herein.

15. Upon approval of the BT application, Cardmember(s) are responsible in servicing the monthly instalment amount. The monthly instalment amount is posted into the Cardmember(s)'s credit card/-i account to be accumulated to the total outstanding balance and subject to Clause 7.1 of RHB Bank Berhad RHB Credit Card Services Visa Card/Mastercard Cardholder Agreement / Clause 8.1 of RHB Islamic Bank Credit Card-i Services Visa/ MasterCard Card Cardholder Agreement ("Cardholder Agreement") pertaining to the minimum monthly payment.

16. If Cardmember(s) pay less than the outstanding balance by the payment due date, the unpaid outstanding balance after the payment due date will be charged finance charges / effective profit rate. This clause shall be read together with Clause 12.1(c) & 12.1(d) of RHB Bank Berhad RHB Credit Card Services Visa Card/Mastercard Cardholder Agreement / Clause 13.1(d) & 13.1(e) of RHB Islamic Bank Credit Card-i Services Visa/ MasterCard Card Cardholder Agreement.

17. In the event Cardmember(s) fails to pay the minimum monthly payment by the payment due date or if the payment is not received by the Bank in full or before payment due date as specified in the aforesaid statement, a late payment charge of up to 1% of the card account on the outstanding balance or RM10, whichever is higher, subject to a maximum of RM100 will be imposed and stated in the monthly card statement.

18. Cardmember(s) is required to pay off the total outstanding balance in full:
    (a) upon suspension or termination of BT by RHB; or
    (b) upon a breach by the Cardmember(s) of any terms and conditions of the BT specified herein or terms and conditions as set out in the Cardholder Agreement which regulates the provisions of credit card/-i facilities by RHB or any other terms & conditions imposed by RHB from time to time for credit card/-i facilities.

19. In the event that the Cardmember(s) choose to terminate his/her credit card/-i or do an early settlement of the BT, the Cardmember(s) will not be charged with any early exit fee. However, the Cardmember(s) will be charged the total amount owed to RHB, which includes the outstanding principal and interest/ effective profit rate amount as final payment. There is no rebate on the outstanding interest/ effective profit rate amount.

20. Reward Points and Cash Back will not be awarded under this Campaign, unless stated otherwise.

GENERAL TERMS AND CONDITIONS

21. By participating in the Campaign, each of the Cardmember(s) agrees to the following:-
    (a) he/she is bound by these Terms and Conditions;
    (b) (i) by giving sufficient prior notice, RHB may:-
        (1) vary any of these Terms and Conditions or suspend or terminate the Campaign following the introduction of or change in any laws or regulatory requirements applicable to RHB and/or the Campaign; or
        (2) vary any of these Terms and Conditions if, without such variation, the Bank will not be able to give effect to the Campaign.
    (ii) RHB may give such notice:-
        (1) by mailing such notice and the reason(s) for such variation, suspension or termination to the Cardmember(s);
        (2) by sending such notice and the reason(s) for such variation, suspension or termination by SMS (Short Message Service) or Electronic Direct Message (EDM) to the Cardmember(s); or
        (3) by displaying such notice and the reason(s) for such variation, suspension or termination at RHB's branches or website.
    (iii) Any Cardmember(s) who is not agreeable to such variation, suspension or termination is required to notify RHB and will no longer be entitled to participate in the Campaign.

(c) any Cardmember(s) who has cheated or committed any unlawful or fraudulent act in relation to the Campaign and/or the product(s) to which the Campaign applies, will be disqualified from the Campaign;

(d) (i) RHB is required to obtain and process the Cardmember(s)' personal information to administer the Campaign;

(ii) by providing the personal information, the Cardmember(s) has agreed to such processing by RHB; and

(iii) any Cardmember(s) who is not agreeable to such processing by RHB is required to notify RHB and will no longer be entitled to participate in the Campaign;

(e) he/she further consents to RHB obtaining and processing his/her personal information for the purposes of cross-selling, marketing and promotions of the products and/or services of RHB Banking Group or its strategic alliances which RHB thinks may interest him/her. He/She has the option of choosing whether to receive marketing and promotional materials for the same from RHB and may choose or change his/her option by contacting RHB Customer Contact Centre as follow:

RHB Customer Contact Centre
Email : customer.service@rhbgroup.com
Telephone No. : +603-9206 8118
Form : rhbgroup.com/personal/banking-methods/contactus.html;

(f) unless there is any manifest (obvious) error, RHB's decision on all matters relating to the Campaign is final, conclusive and binding against the Cardmember(s);

(g) he/she may contact RHB Customer Contact Centre for all matters relating to the Campaign (including any request to change or limit the processing of his/her personal information) to RHB Customer Contact Centre;

(h) if he/she is not satisfied with the resolution provided by RHB Customer Contact Centre and if the product(s) to which the Campaign applies is/are:-

(i) banking product(s), he/she may then contact Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) (Formerly known as Ombudsman for Financial Services) at:-

Address	**:**	**Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia** **No 4, Jalan Sultan Sulaiman** **50000 Kuala Lumpur**
Telephone No.	**:**	**+603-2272 2811**
Web Form	**:**	**https://complaint.fmos.org.my/open.php**
Website	**:**	**https://www.fmos.org.my/en/**

(i) these Terms and Conditions are to be read together with the terms and conditions of Cardholder Agreement which can be found at www.rhbgroup.com.my; and

(j) in the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and any other materials relating to the Campaign, these Terms and Conditions will prevail for matters dealt with in these Terms and Conditions.

(k) this Campaign shall be governed by laws of Malaysia.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
KEMPEN SMART MOVE BALANCE TRANSFER (BT) RHB MELALUI PERBANKAN DALAM TALIAN RHB - TAKTIKAL
("Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini")

Pelanggan-pelanggan yang berminat untuk menyertai kempen ini dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum mendaftar penyertaan mereka dalam kempen ini.

Mana-mana pelanggan yang tidak memahami mana-mana Terma dan Syarat ini boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB, yang butiran hubungannya dinyatakan dalam klausa Terma dan Syarat Am di bawah.

PENGANJUR-PENGANJUR KEMPEN

1. **Kempen Smart Move Balance Transfer (BT) RHB Melalui Perbankan Dalam Talian RHB – Taktikal ("Kempen")** dianjurkan oleh RHB Bank Berhad [No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)] dan RHB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran 200501003283 (680329-V)] (secara kolektif, "**RHB**").

TEMPOH KEMPEN

2. Kempen ini berlangsung dari **01/01/2026** hingga **31/12/2026** ("**Tempoh Kempen**"), termasuk kedua-dua tarikh.

KELAYAKAN

3. Kempen ini terbuka kepada Pemegang kad utama sebarang kad kredit/-i yang dikeluarkan oleh RHB (secara kolektif ,"**Kad Kredit/-i RHB**") (secara kolektif, "**Ahli Kad**"), yang mendapat jemputan melalui Perbankan Dalam Talian RHB**,** untuk memohon memindahkan baki tertunggak daripada sebarang kad kredit atau kad caj Pengeluar lain yang dipegang oleh Ahli Kad (secara kolektif, "**Akaun Kad Lain**") ke sebarang akaun kad kredit/-i RHB atas nama Ahli Kad (secara kolektif, "**Pemindahan Baki**")

4. Ahli Kad mestilah pemegang utama Akaun Kad Lain yang dikeluarkan oleh institusi kewangan Malaysia dan dibil dalam Ringgit Malaysia (RM).

5. Kempen ini tidak terpakai untuk Kad Sampingan RHB, Kad Kredit Eksekutif RHB, Kad Caj/-i Pembelian RHB, Kad Kredit Korporat/-i RHB dan Kad Caj Korporat/-i.

MEKANISME KEMPEN

6. Tiada akaun berasingan akan dibuka untuk Ahli Kad bagi tujuan Kempen ini.

7. Jumlah had kredit sedia ada yang telah diluluskan bagi Akaun Kad Kredit/-i RHB Ahli Kad akan dikongsi bersama dengan Pemindahan Baki dan semua kad tambahan yang dikeluarkan. Kempen ini bukan untuk peningkatan had kredit dan ia hanya digunakan untuk memindahkan baki daripada pengeluar kad yang lain.

8. Di bawah Kempen ini, Ahli Kad dibenarkan membuat Pemindahan Baki sehingga had maksimum sebanyak 80%* daripada had kredit Kad Kredit/-i RHB yang sedia ada. Jumlah minimum Pemindahan Baki adalah sebanyak RM1,000.
   * Faedah/Kadar Keuntungan Efektif dan caj-caj lain (sekiranya ada) akan dikira dan diposkan ke dalam akaun Ahli Kad pada akhir kitaran penyata, maka semua faedah/ Kadar Keuntungan Efektif dan caj-caj lain akan ditambah ke dalam jumlah kredit yang digunakan.

9. RHB tidak akan bertanggungjawab terhadap Ahli Kad untuk sebarang transaksi yang dikreditkan ke dalam Akaun Kad Lain yang salah akibat daripada maklumat salah yang diberikan oleh Ahli Kad semasa permohonan Kempen ini.

10. Pelan yang tersedia di bawah Kempen ini adalah seperti berikut:

Jangkamasa (Bulan)	Kadar Faedah/ Kadar Keuntungan Efektif	Kadar Efektif
12	4.88%p.a.	8.89%p.a.
24	4.88%p.a.	9.11%p.a.
36	4.88%p.a.	9.10%p.a.

Contoh: Amaun pemindahan sebanyak RM1,000. Pengiraan ansuran bulanan adalah [RM1,000+ (RM1,000 x 4.88% x 3 tahun) / 36 bulan] = RM31.85 sebulan. Ansuran bulanan adalah sama setiap bulan untuk jangkamasa selama 36 bulan.

Nota: Amaun ansuran di atas adalah untuk tujuan ilustrasi. Ansuran bulanan sebenar mungkin berbeza daripada ilustrasi di atas.

11. Permohonan Pemindahan Baki ini boleh dibuat melalui Perbankan Dalam Talian RHB. Apabila permohonan Pemindahan Baki diluluskan, amaun Pemindahan Baki akan didebitkan ke dalam akaun kad kredit/-i Ahli Kad. Ahli Kad adalah untuk memastikan bahawa terdapat had kredit yang mencukupi sebelum mereka memohon untuk Kempen ini.

12. RHB akan meluluskan Baki Tertunggak yang boleh dipindahkan (selepas ini dirujuk sebagai "Baki yang Diluluskan") dengan mendapat persetujuan daripada Ahli Kad melalui notis.

13. Sebelum Pelan Pemindahan Baki Ansuran diluluskan, Ahli Kad harus bertanggungjawab membuat pembayaran ke Akaun Kad Lain mengikut terma-terma yang telah ditetapkan. Ahli Kad bertanggungjawab terhadap faedah/ Kadar Keuntungan Efektif atas sebarang bayaran yang melebihi tempoh atau sebarang caj kewangan atau caj-caj lain yang ditanggung akibat kegagalan atau kelewatan Ahli Kad dalam membuat pembayaran sebelum atau selepas RHB meluluskan permohonan Ahli untuk pemindahan baki.

14. Baki yang diluluskan akan mengurangkan had kredit Ahli Kad yang layak dengan sewajarnya. Notis SMS (Khidmat Pesanan Ringkas) akan dihantar kepada Ahli Kad untuk memaklumkan sama ada permohonan Ahli Kad untuk Kempen ini telah diluluskan. Sekiranya permohonan telah diluluskan, pembayaran untuk Akaun Kad lain akan dibuat mengikut cara yang diperuntukkan di sini.

15. Sebaik permohonan Pemindahan Baki diluluskan, Ahli Kad adalah bertanggungjawab ke atas jumlah ansuran bulanan. Bayaran ansuran bulanan akan ditambahkan ke atas jumlah baki tertunggak dan akan tertakluk kepada Fasal 7.1 RHB Bank Berhad RHB Credit Card Services Perjanjian Ahli Kad Visa Card/MasterCard / Fasal 8.1 RHB Islamic Bank Perkhidmatan Kad Kredit-i Perjanjian Pemegang Kad Visa/Mastercard (“Perjanjian Ahli Kad”) mengenai jumlah bayaran minimum bulanan.

16. Sekiranya Ahli Kad membuat pembayaran kurang daripada baki tertunggak pada tarikh matang pembayaran, tunggakan baki yang belum dibayar selepas tarikh matang pembayaran akan dikenakan caj kewangan / Kadar Keuntungan Efektif. Fasal ini harus dibaca sekali dengan Fasal 12.1(c) & 12.1(d) RHB Bank Berhad RHB Credit Card Services Perjanjian Ahli Kad Visa Card/MasterCard / Fasal 13.1(d) & 13.1(e) RHB Islamic Bank Perkhidmatan Kad Kredit-i Perjanjian Permegang Kad Visa/Mastercard.

17. Sekiranya Ahli Kad gagal membayar bayaran bulanan minimum yang perlu dibayar pada tarikh matang atau jika bayaran tidak terima oleh Bank sepenuhnya atau sebelum tarikh matang sebagaimana ditetapkan dalam penyata tersebut, caj pembayaran lewat sehingga 1% daripada baki tertunggak atau RM10, yang mana lebih tinggi, tertakluk kepada jumlah maksimum RM100 akan dicaj dan dinyatakan dalam penyata bulanan kad.

18. Ahli Kad dikehendaki untuk membayar jumlah baki tertunggak sepenuhnya:
    (a) apabila Pemindahan Baki digantung atau ditamatkan oleh RHB; atau
    (b) apabila Ahli Kad melanggar mana-mana terma-terma dan syarat-syarat Pemindahan Baki yang dinyatakan di dalam ini atau terma-terma dan syarat-syarat seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian Ahli Kad yang mengawal peruntukan kemudahan kad kredit/-i oleh RHB atau apa-apa terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan oleh RHB dari semasa ke semasa untuk kemudahan kad kredit/-i.

19. Jika Ahli Kad memilih untuk menamatkan kemudahan kad kredit/-i atau membuat penyelesaian awal untuk Pemindahan Baki, Ahli Kad tidak akan dikenakan sebarang penalti. Walau bagaimanapun, Ahli Kad akan dicaj amaun prinsipal Pemindahan Baki yang masih tertunggak termasuk amaun faedah/Kadar Keuntungan Efektif sebagai bayaran akhir. Tiada rebat ke atas amaun faedah/Kadar Keuntungan Efektif.

20. Mata Ganjaran dan Pulangan Tunai tidak akan diberikan di bawah Kempen ini, kecuali dinyatakan sebaliknya.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM

21. Dengan menyertai Kempen, setiap Ahli Kad bersetuju dengan perkara berikut:-
    (a) beliau terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
    (b) (i) dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi, RHB boleh:-
        (1) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini atau menggantung atau menamatkan Kempen ini berikutan pengenalan atau perubahan dalam mana-mana undang-undang atau keperluan-keperluan kawal selia yang terpakai kepada RHB dan/atau Kempen ini; atau
        (2) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini jika, tanpa perubahan sedemikian, Bank tidak akan dapat memberi kesan kepada Kempen ini.
    (ii) RHB boleh memberi notis sedemikian:-
        (1) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian kepada Peserta-Ahli Kad;

(2) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) untuk perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian melalui Perkhidmatan Mesej Ringkas (Short Message Service ("SMS")) atau Mesej Langsung Elektronik (Electronic Direct Message ("EDM")) kepada Peserta-Ahli Kad; atau

(3) dengan memaparkan notis tersebut dan sebab(-sebab) bagi perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian di cawangan-cawangan RHB atau laman web RHB.

(iii) Mana-mana Ahli Kad yang tidak bersetuju dengan perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian dikehendaki memberitahu RHB dan tidak akan lagi berhak untuk menyertai Kempen ini.

(c) mana-mana Ahli Kad yang telah menipu atau melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang atau penipuan berhubung dengan Kempen ini dan/atau produk yang digunakan dalam Kempen ini, akan digugurkan daripada Kempen ini;

(d) (i) RHB dikehendaki mendapatkan dan memproses maklumat peribadi Peserta-Ahli Kad untuk mentadbir Kempen;

(ii) dengan memberikan maklumat peribadi, Peserta-Ahli Kad telah bersetuju dengan pemprosesan sedemikian oleh RHB; dan

(iii) mana-mana Peserta-Peserta Layak yang tidak bersetuju dengan pemprosesan sedemikian oleh RHB dikehendaki memaklumkan RHB dan tidak lagi berhak untuk menyertai Kempen ini;

(e) beliau seterusnya memberi kebenaran-kebenaran kepada RHB untuk mendapatkan dan memproses maklumat peribadinya untuk tujuan-tujuan penjualan silang, pemasaran dan promosi produk-produk dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB atau pakatan strategiknya yang RHB fikir mungkin menarik minatnya. Beliau mempunyai pilihan untuk memilih sama ada untuk menerima bahan pemasaran dan promosi untuk bahan yang sama daripada RHB dan boleh memilih atau menukar pilihannya dengan menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB seperti berikut:

Pusat Hubungan Pelanggan RHB
E-mel : customer.service@rhbgroup.com
Telefon No. : +603-9206 8118
Borang : rhbgroup.com/personal/banking-methods/contactus.html;

(f) melainkan jika terdapat sebarang kesilapan yang nyata (jelas), keputusan RHB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Ahli Kad;

(g) beliau boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB untuk semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini (termasuk sebarang permintaan untuk menukar atau mengehadkan pemprosesan maklumat peribadinya) kepada Pusat Hubungan Pelanggan RHB;

(h) jika beliau tidak berpuas hati dengan resolusi yang diberikan oleh Pusat Hubungan Pelanggan RHB dan jika produk(-produk) yang digunakan oleh Kempen ini adalah:-

(i) produk(-produk) perbankan, beliau kemudiannya boleh menghubungi Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) [dahulunya dikenali sebagai Ombudsman for Financial Services] di :

Alamat	**:**	**Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia** **No 4, Jalan Sultan Sulaiman** **50000 Kuala Lumpur**
No. Telefon	**:**	**+603-2272 2811**
Borang Web	**:**	**https://complaint.fmos.org.my/open.php**
Laman Web	**:**	**https://www.fmos.org.my/bm/**

(i) Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian Ahli Kad yang boleh didapati di www.rhbgroup.com; dan

(j) jika berlaku sebarang percanggahan antara Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan mana-mana bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan digunapakai bagi perkara-perkara yang ditadbir oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

(k) Kempen ini hendaklah ditadbir oleh undang-undang Malaysia.